



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERTHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN  
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN  
TAHUN 1447 HIJRAH / 2026 MASIHI**

**HARI RABU (MALAM KHAMIS),  
12 ZULKAEDAH 1447H / 29 APRIL 2026M  
(MALAM KETIGA)**

**BERTEMPAT,  
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Menghadap Kehadapan Majlis,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam.

*Ampun Beribu Ampun menyembahkan,*

Bahawa dengan rahmat dan izin Allah *Subhanahu Wata'ala* malam ketiga acara Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini, bertambah seri dan meriahnya dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang sangat disyukuri untuk seperti lazimnya akan mengurniakan titah yang mengilhamkan dan seterusnya berkenan menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah yang tentunya akan menjadi ristaan baik kepada peserta-peserta musabaqah khasnya pemenang-pemennya.

Maka sekalian abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik dalam Jawatankuasa Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan juga Jawatankuasa Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, berserta sekalian rakan-rakan dan sahabat-sahabat yang menjadi penganjur bersama dengan

Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu daripada Jabatan Perdana Menteri, daripada Kementerian Pendidikan, dan daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, yang disertai juga oleh Syarikat Data Stream Digital Sdn. Bhd., termasuk juga sekalian hadirin dan hadhirat, merafa'kan sembah menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat ke majlis yang berkat lagi berkebajikan ini.

Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dengan penuh rasa syukur mendo'akan semoga Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa dalam rahmat kasih sayang Allah *Subhanahu Wata'ala*, dilanjutkan usia dengan ni'mat kesihatan yang berpanjangan, dan sentiasa dalam hidayah dan 'inayahNya sesuai menepati siratan makna seuntaian lirik lagu kebangsaan Negara: *'adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia*.

*Ampun Beribu Ampun,*

Seterusnya disebarkan bahawa sebagaimana yang sedia dimaklumi Musabaqah Tilawah Al-Qur'an ini adalah usaha yang berkesinambungan sudah sekian lama dalam mensyi'arkan Islam ugama rasmi Negara. Iaitu dengan menjulang tinggi status kerasmiannya, memelihara keutuhan akidah dan menyebarkan ajaran-ajarannya sesuai dengan maksud dan semangat peruntukan Perlembagaan Negara yang menjadikan Islam agama rasmi mengikut Ahli Sunnah Wal Jama'ah, di samping membenarkan agama lain diamalkan dengan aman dan sempurna oleh pemeluknya. Usaha-usaha itu dilakukan dengan bijaksana melalui tadbir urus yang berhemah terutama sekali melalui pendidikan dan da'wah. Dengan itu, negara kekal aman, sekalian rakyat dan penduduk hidup harmoni, meni'mati kesejahteraan dalam negara berpemerintahan beraja yang adil dan berdaulat.

Sehubungan dengan itu tema Musabaqah tahun ini yang mengungkapkan kata-kata **Mengukuhkan Pembelajaran Al-Qur'an dan Menghayati Ajarannya** adalah akan menambah mantap lagi usaha-usaha pembelajaran dan penghayatan ajaran ugama Islam dengan bersumberkan ayat-ayat al-Qur'an yang difahami dengan fahaman yang betul supaya ajarannya diamalkan dengan sempurna.

Ke arah itu *insyaa Allah* program-program pembelajaran dan penghayatan ajaran-ajarannya akan lebih diperkukuhkan melalui perancangan dan pelaksanaan yang sistematik, mendukung usaha-usaha pembangunan Negara yang seimbang bagi melahirkan generasi demi generasi yang berjaya dengan cemerlang, hidup berbahagia di dunia, dan seterusnya meni'mati hasil amal salihnya di akhirat berkat teguh iman dan lurus akidahnya kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, sesuai dengan janji dan peringatan Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam firmanNya di akhir Surah al-Kahfi, ayat 110:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ  
وَاحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا  
صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۚ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Terjemahannya:

*Katakanlah "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa maka sesiapa yang mengharapakan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amalan salih dan janganlah dia mempersekutukan Tuhannya dengan sesiapa pun dalam beribadat kepadaNya.*

*Ampun Beribu Ampun,*

Demikianlah disembahkan. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun jua sekiranya terdapat salah silap dan suruk langkah yang janggal.

Dan sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun dengan khusyuk mendo'akan semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, dan sekalian Paduka-Paduka Anakanda, Cucunda-Cucunda dan sekalian Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa dalam 'inayah perlindungan Allah *Subhanahu Wata'ala*, selamat, sentiasa sihat dan bahagia, serta juga dalam limpahan sinar hidayah Allah *Subhanahu Wata'ala* berkat amal ibadat dan amal khairat berkebakikan.

Seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Dan Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisudara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Dan junjung kasih serta terima kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, dan kehadiran:

- Yang Berhormat Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Berhormat Menteri – Menteri Kabinet,
- Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada sekalian penyumbang hadiah sampingan terdiri daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd., daripada Syarikat Balurih Travel Sdn. Bhd. dan daripada Syarikat Little Ummi. Demikian juga kepada

penyumbang buah tangan kepada hadirin dan hadirat dan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebajikan ini dari awal hingga akhir.

Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua. *Aamiin ya rabbal 'alamiin*.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman,  
***Menteri Hal Ehwal Ugama.***

Daraina 8, Sg Besar,  
Spg 530 Km 13 Jln Kota Batu, BD2517,  
Brunei-Muara,  
Brunei Darussalam.  
09 Zulkaedah 1447H/27 April 2026M.